**KUMPULAN YAYASAN SABAH**
Menara Tun Mustapha
Kompleks Ibu Pejabat Yayasan Sabah
Teluk Likas, Peti Surat 11623
88817 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia
Tel: 6 088 326300 Faks: 6 088 326424
E-mel: ysinfo@ysnet.org.my
Laman Web: http://www.yayasansabahgroup.org.my

# SIARAN MEDIA
## [ MEDIA RELEASE/STATEMENT ]

**UNTUK SIARAN SEGERA**

**15 Januari 2024**

### KUMPULAN YAYASAN SABAH BERSAMA MASYARAKAT MENERUSI MCS

**KOTA KINABALU (Isnin):** Kumpulan Yayasan Sabah turut serta menjayakan program Mobile Community Services (MCS) (Perkhidmatan Komuniti Bergerak) anjuran Perbendaharaan Malaysia Sabah. Program ini diadakan pada 13 Januari 2024 bertempat di SK Tampios, Ranau dan 14 Januari 2024 bertempat di SK Tibabar, Ranau. Program setengah hari ini melibatkan lebih 30 jabatan dan agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri Sabah.

Dalam program ini, Kumpulan Yayasan Sabah menawarkan beberapa perkhidmatan untuk orang ramai antaranya peluang melanjutkan pengajian di Kolej Teknologi Yayasan Sabah (KTYS) dan University College Sabah Foundation (UCSF).

Program MCS merupakan salah satu usaha kerajaan secara bersepadu untuk mendekatkan rakyat kepada pelbagai jenis perkhidmatan di lapangan khususnya di luar bandar dan pedalaman yang berhadapan dengan isu-isu kebolehcapaian. Menerusi program ini, Kumpulan Yayasan Sabah merakyatkan perkhidmatan masyarakat setempat menerusi akses dan informasi mengenai aktiviti pendidikan dan pembangunan kapasiti yang diterajui oleh Kumpulan Yayasan Sabah.




***Gambar 1:*** *Ruang pameran Kumpulan Yayasan Sabah di SK Tampios, Ranau.*



***Gambar 2:*** *Para pengunjung diberi penerangan di ruang pameran Kumpulan Yayasan Sabah di SK Tampios, Ranau.*




***Gambar 3:*** *Sebahagian masyarakat setempat yang mengunjungi ruang pameran Kumpulan Yayasan Sabah di SK Tibabar, Ranau.*

**-----TAMAT-----**

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi : Sam S. Karnail
Pengurus Kumpulan
Bahagian Komunikasi Korporat
Kumpulan Yayasan Sabah
Tel. : 088-326448
Faks : 088-421526/088-326424
Emel : ynwaskarnail@gmail.com